



Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan berbuka puasa bersama Pemangku Raja Pahang Tengku, Mahkota Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah serta Anwar pada Majlis Berbuka Puasa bersama Perdana Menteri dan Jemaah Menteri di Istana Negara, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

Lawatan ke Arab Saudi capai objektif

Dakwaan PM dapat sambutan hambar tidak tepat, negara berjaya bawa masuk pelaburan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dakwaan yang mengatakan lawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, ke Arab Saudi sebagai gagal dan mendapat sambutan hambar kerana tidak bertemu Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud atau Putera Mahkotanya, Mohammed Salman, adalah tidak tepat sama sekali.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil yang turut serta dalam lawatan kerja bersama Perdana Menteri itu berkata, Ma-

aysia berjaya membuka ruang kepada Arab Saudi untuk membawa pelaburan ke negara ini.

“Hentikanlah dakwaan seperti ini, sepatutnya Ramadan adalah waktu kita beribadat dan bermuhasabah. Apa yang penting, saya sebagai menteri pengiring melihat sendiri bahawa lawatan ini mencapai objektifnya.

“Kita bertemu pelbagai pihak, termasuk Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) serta Pengerusi Islamic Development Bank.

“Mereka berusaha untuk membawa masuk pelaburan ke Malaysia dan itu menjadi keutamaan kepada saya,” katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri Majlis Sumbangan Kembali Ke Sekolah di Pusat Kerja dan Latihan Lembah Pantai, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, Anwar berasa dukacita kerana tidak berkesempatan bertemu Raja Salman dan Mohammed Salman sepanjang tiga hari mengadakan lawatan rasmi ke

negara berkenaan.

Pertemuan tidak dapat diadakan kerana perubahan jadual pemimpin Arab Saudi itu berikutan bulan Ramadan dan juga jadual padat Perdana Menteri.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, tidak dapat memenuhi permintaan pemimpin Arab Saudi untuk memanjangkan kunjungannya kerana perlu menghadiri majlis iftar bersama Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, diikuti dengan lawatan rasminya ke Kemboja.

Fahmi berkata, Perdana Menteri perlu memberi keutamaan menghadiri majlis bersama Yang di-Pertuan Agong dan tidak boleh sewenang-wenangnya membatalkan atur cara itu.

“Perdana Menteri mesti beri keutamaan kepada baginda, tidak boleh batal begitu sahaja. Namun, Perdana Menteri juga dukacita kerana beliau ingin meneruskan lawatan untuk bertemu Raja Salman,” katanya.